

PENAUNG:  
YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin  
*Timbalan Menteri Kesihatan*

PENERBIT: Siti Rohayah Attan  
PENGARAH & SKRIP: Zaifri Husin  
PENGARAH ARTISTIK: Badrul Zaman Abd. Jalil  
PENGARAH MUZIK: Hafiz Askiak  
KOREOGRAFER: Eliza Mustafa & Md Desa Rahman

mempersalahkan

**muzikal gamat**  
Panggung Sari, Istana Budaya  
www.muzikalgamat.blogspot.com  
3 \* 12 Oktober 2009



menampilkan:

\* amy mastura \* Zuhairi ibrahim \* Aidil Solehin \* Datin Natasha Hudson \*  
\* anith aqilah (oiam) \* SYUKOR ibrahim

Kerjasama:



PELAKON & TENAGA KREATIF

MUZIKAL

# GAMAT

**3-8**  
Oktober 2009  
**11-12**  
8.30 MALAM  
3,4&11 OKT 2009  
3.00 PETANG

pelakon

AMY MASTURA, ZUHAIRI IBRAHIM, AIDIL SOLEHIN, DATIN NATASHA HUDSON, ANITH AQILAH (OIAM), SYUKOR IBRAHIM DLL.

tempat

PANGGUNG SARI, ISTANA BUDAYA



## KATA-KATA ALUAN PENAUANG

**Y.B. DATUK ROSNAH ABDUL RASHID SHIRLIN  
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN**

Assalamualaikum wrt wbt.

**PERTAMA** sekali, izinkan saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada PPWM di atas peluang dan kesempatan untuk menitipkan sepatah dua kata di dalam buku program ini. Terima kasih juga kerana menjemput saya untuk menjadi sebahagian daripada produksi Teater Muzikal Gamat ini.

Sebagai Timbalan Menteri Kesihatan, saya amat berbesar hati menyokong projek yang dianjurkan oleh

mana-mana pihak terutamanya yang berkaitan dengan gaya hidup sihat.

Menariknya, kali ini, penganjur telah mengambil pendekatan yang lebih ke hadapan apabila menggabungkan unsur-unsur kesihatan dan alam sekitar melalui seni persembahan dan pameran.

Muzikal Gamat telah menarik perhatian saya untuk dimasukkan ke dalam kalendar aktiviti Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM). Meskipun, persembahan teater adalah sesuatu yang baru dalam usaha untuk mempromosikan gaya hidup sihat, namun saya merasakan pendekatan ini amat sesuai memandangkan bilangan masyarakat yang meminati teater semakin bertambah.

Menariknya, pementasan Muzikal Gamat ini menampilkan pelakon yang berbagai lapisan usia. Sebahagian besar daripada 87 pelakornya adalah kanak-kanak. Ada di antara pelakornya berusia muda tiga tahun. Sudah pastilah usia muda ini amat sesuai untuk dididik tentang kesedaran kesihatan diri termasuklah penjagaan kesihatan, penyakit berjangkit, penerangan mengenai gaya hidup sihat, dan sebagainya.

Bermakna, selain kita berhibur mengenai kisah gamat dan rakan-rakannya di dalam laut yang juga mahu hidup sihat, penonton juga diberikan pendidikan dan kesedaran tentang kesihatan. Konsep 2 dalam 1 ini menarik untuk diteruskan dari semasa ke semasa dan wajar diteruskan di seluruh negara.

Saya mengucapkan selamat maju jaya dan terus berkarya kepada semua yang terlibat di dalam produksi Muzikal Gamat ini. Semoga para penonton turut terhibur dengan pementasan ini dan memperoleh manfaat daripada persembahannya.

Sekian.

2



## KATA-KATA ALUAN PENERBIT

**SITI ROHAYAH ATTAN  
PENGARAH URUSAN  
GTRA PRODUCTION**

TERIMA kasih yang tidak terhingga kepada Timbalan Menteri Kesihatan, Y.B. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin kerana sudi untuk menjadi pemimpin terpenting dalam merealisasikan pementasan muzikal ini. Sesungguhnya, kesudian dan keprihatinan beliau untuk melibatkan diri dalam program ini secara langsung banyak menyuntik semangat kami untuk menghasilkan karya yang terbaik.

Alhamdulillah, Muzikal Gamat yang dirancang persembahannya sejak 2007 dalam skala besar akhirnya berjaya menemui khalayak. Cabaran saya sebagai penerbit amat getir kerana kos pementasannya mencecah RM1 juta. Terlalu banyak `tangga` yang terpaksa didaki dan bukan sedikit cemuhan yang

dilemparkan. Tapi, tidak mengapa kerana semangat tidak pernah luntur, senyum tidak pernah hilang. Saya harus bekerja keras siang dan malam supaya Muzikal Gamat tidak `tersadai`.

Dan, apabila muzikal ini yang dikerjakan bersama rakan lama, Zaifri Husin beraksi di pentas Panggung Sari Istana Budaya yang megah ini, segala kepenatan itu terbang secara tiba-tiba. Inilah yang dikatakan; "Apabila kita berbudi dengan keikhlasan, dihadiahkan cinta yang tiada bertepi".

Sesungguhnya, muzikal ini dipersembahkan bukan sekadar untuk hiburan. Malah, lebih jauh daripada itu bermatlamat memimpin masyarakat Malaysia agar mengamalkan gaya hidup sihat dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Gaya hidup sihat dan alam sekitar yang terpelihara inilah sebenarnya yang akan menentukan `jangka hayat` seseorang selain ketentuan Dia Yang Maha Esa. Kita tidak mampu hidup dalam keadaan yang diliputi pelbagai penyakit mahupun persekitaran yang tercemar.

Justeru itu, marilah kita bersama-sama menjadi warga yang cintakan diri dan alam ini.

Terima kasih kepada rakan-rakan di Persatuan Penulis Wanita Malaysia, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia, Kementerian Kesihatan, Istana Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Jabatan Taman Laut Malaysia, De'Media & Event Entertainment dan semua yang terlibat dalam pementasan ini.

Burung serindit terbang melayang  
Singgah sebentar di dahan mati  
Bukan ringgit dipandang orang  
Budi bahasa rangkaian hati.

3





## KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH ISTANA BUDAYA

### MOHAMED JUHARI HT SHAARANI



Setelah teater Muzikal Kanak-kanak Ali Baba, Aladdin dan Sinbad dipentaskan di Istana Budaya, kini tiba pula giliran teater Muzikal Gamat pula beraksi di Panggung Sari. Tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja produksi ini dalam usaha merealisasikan pementasan Gamat ini.

Gamat adalah teater kanak-kanak yang menyingkap tentang rahsia dunia laut dan memuatkan pelbagai mesej positif dengan variasi pendidikan.

Ita memaparkan gaya hidup sihat dan kesedaran mencintai alam sekitar. Teater ini amat sesuai untuk ditonton oleh pelbagai usia dan pasti sangat menghiburkan bagi kanak-kanak. Ia juga adalah salah satu usaha berterusan untuk meyakinkan kepada masyarakat bahawa pentingnya menyayangi alam sekitar.

Akhir kata, semoga pementasan Gamat ini akan berjaya memberikan input yang berguna kepada masyarakat Malaysia amnya dalam usaha merealisasikan konsep 1Malaysia.

Semoga terhibur dengan keletah dan kelucuan yang ditampilkan melalui Gamat.



## TUJUAN PEMENTASAN

- 1) Kaedah yang berterusan dan berbeza diperlukan untuk menyakinkan masyarakat terhadap penjagaan kesihatan dan alam sekitar. Justeru, mereka perlu dididik dengan pelbagai cara termasuk pendidikan melalui seni teater. Diharap, melalui cara ini kesedaran akan lebih dirasai di jiwa mereka.
- 2) Memberi peluang kepada karyawan seni untuk sama-sama memberi sumbangan kepada perkembangan teater serta bekerja dengan generasi muda yang berketrampilan.
- 3) Mesej dalam teater ini membawa arah positif terutamanya mendidik masyarakat lebih proaktif kepada gaya hidup sihat & melindungi alam sekitar.



## SEJARAH PEMENTASAN

- 1) Teater Gamat merupakan hasil kolaborasi pelajar dan pensyarah tahun 2 Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) tahun 2007 bawah bimbingan Zaifri Husin dan pernah dipentaskan sebagai projek pelajar di ASWARA, Jelebu (Negeri Sembilan) dan Perlis.
- 2) Namun, bagi pementasan di Istana Budaya ini, karya ini dirombak dan dihalusi semula oleh penulis skrip & pengarahnya, Zaifri Husin dan lahirlah, Muzikal Gamat.





**Penerbit  
SITI ROHAYAH ATTAN**

Graduan bidang Kewartawanan dan Filem dari Universiti Sains Malaysia (USM) ini pernah bertugas sebagai Pengarang Sastera dan Hiburan di akhbar Utusan Malaysia.

Beliau bertindak sebagai Penerbit dan Pengarah Produksi bagi pentas Muzikal Ibu Zain I & II (Istana Budaya 2008, MaTiC 2009), Nyonya (Kedah 2007, Istana Budaya

2008), Muzikal Lantai T.Pinkie (Istana Budaya & Perak 2006), Anugerah (2002 & 1996), Lantai T.Pinkie (2000, 1997, 1996), Kereta Kencana (Kumpulan Rendra dari Indonesia, 1998), Taman Baginda (1998) dan Assyura (1997). Keseluruhannya, beliau telah menerbitkan 24 teater sejak 16 tahun lalu.

Dalam bidang pengarah teater, beliau pernah mengarah teater karyanya sendiri seperti Mencari Juita (1998), Akulah Perempuan Itu (1998) dan Bulan Menangis (2003). Diberi kepercayaan oleh Sasterawan Negara Datuk Noordin Hassan mengarah Pelayaran Nur Atma (1999) kemudiannya mengarah Dejavu Seorang Perempuan karya Ismail Kassan 1999. Teater ini dipentaskan sebanyak tiga kali iaitu pada 1999, kemudian ditukar judul sebagai Dejavu dan dipentaskan di Istana Budaya 2004 di bawah arahnya. Sambungan teater itu berjudul Bukan Dejavu yang dipentaskan pada 2008 sempena Sambutan Ulang Tahun ke-52 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Juga mengarah Nyonya karya Wisran Hadi dari Indonesia pada 2004 dan dipentaskan di Kuala Lumpur dan Seremban. Keseluruhannya, beliau telah mengarah 8 teater sejak 10 tahun lalu.

Di samping itu, beliau banyak mengarah persembahan pentas seperti Malam Puisi Utusan antaranya disertai oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (1996) yang membacakan puisi Perjuangan Yang Belum Selesai, dan Tun Abdullah Ahmad Badawi turut mengambil bahagian pembacaan puisi arahnya pada 2003.

Beliau membabitkan diri dalam bidang penulisan novel, cerpen, skrip drama TV & radio dan biografi. Beliau telah menghasilkan lebih 10 novel dan menulis bersama Rosminah Mohd Tahir menghasilkan biografi Tan Sri Sabbaruddin Chik-Tekokrat Tersingkir (2007). Berpaksikan konsep feminisme beliau turut menghasilkan novel seperti Cinderella, Romeo & Juliet, Meniti Ranjau Kasih, Trilogi Wajah Wanita, Di Sini Luruhnya Musim Kasih, Primadona Minden, Kasih dan Airmata, She's Johana dan banyak lagi. Karya penulisan drama TV termasuk Mencari Al-Zahrah, Hujan di Hati Kamariah, Mama Rock Skuter Merah dan lain-lain.

Dalam bidang politik, beliau adalah bekas Exco Penaja Puteri UMNO peringkat pusat.



**Pengarah & Penulis Skrip  
ZAIFRI HUSIN**

Anak kelahiran Muar, Johor ini memiliki Ijazah Sarjana Pengarah Teater dari Middlesex Universiti, United Kingdom. Berpeluang mendalami teknik Mayerhold dan Biomekanik di Russian Federation Theatre Arts Academy of Moscow, Russia. Sebelum itu, beliau memiliki ijazah dari Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang seni.

Bakat beliau dalam bidang pengarah amat terserlah. Antara teater arahnya termasuk Di Mana Setangginya dan Sarah karya Sasterawan Negara, Datuk Noordin Hassan dan Gadis Melayu. Beliau juga antara pengarah teater kanak-kanak yang prolifik. Antara teater kanak-kanak arahnya ialah Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Belalang Kenit, Gamat dan Ali Baba. Teater arahan beliau, Bawang Putih Bawang Merah telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan Festival Kesenian Antara Kementerian 1995 & 1996 manakala Teater Ali Baba arahan beliau pula mendapat pengiktirafan Persembahan Terbaik dalam 8th International Festival for Performing Arts 2007 di New Delhi, India.

Bakat beliau dalam bidang lakonan memang tidak boleh dinafikan. Beliau pernah muncul dalam teater Assyura, Rubiah, Lantai T.Pinkie, Muzikal Lantai T.Pinkie, Selendang Umi, Cucu, Malam Haram, Anugerah, Mencari Juita, Tiang Seri Tegak Berlima, Tun Mamat Puteri Gunung Ledang, Megat Terawis, Tengku Puteri Salasih, Beg Sakti, Jambatan dan Nanamun Mantanani. Lakonannya sebagai Tuan dalam teater Nyonya (2008) arahan Rosminah Tahir karya penulis Indonesia, Wisran Hadi mendapat pujian di samping lakonan watak S.Diman dalam teater Lantai T.Pinkie.

Antara projek yang dikendalikan beliau termasuk Festival Kesenian Kanak-Kanak Antarabangsa Kuala Lumpur 2008, Festival Teater Malaysia 2006 dan banyak lagi.

Kerjaya tetap beliau adalah sebagai Penolong Ketua Pengarah di Bahagian Pengukuhan Seni Budaya, Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara (JKKN) di Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Beliau juga merupakan pensyarah sambilan di ASWARA dan UiTM dalam bidang teater.



**Pengarah Muzik & Komposer  
HAFIZ ASKIAK**

DILAHIRKAN pada 12 September 1969, Mohd Hafiz Askiak adalah Pensyarah di Jabatan Teater, Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau berpengalaman luas dalam penggubahan lagu dan bertindak sebagai Pengarah Muzik dalam banyak pementasan.

Antara penglibatan beliau dalam bidang seni adalah seperti Intan yang Tercanai karya Sasterawan Noordin Hassan, Tanah, Air, Api dan Angin, Jati, Selendang Jiwa, Bukan Lalang ditup Angin, Salah dan Muzikal Kanak-kanak Ali Baba. Beliau juga pernah terlibat sebagai guru vokal bagi pementasan Teater Muzikal Puteri Gunung Ledang.



**Pengarah Artistik  
BADRUL ZAMAN ABDUL JALIL**

BERKELULUSAN Sarjana Muda dalam bidang Senilukis & Senireka dari UiTM pada 1988, kemudian berpeluang menambah pengalaman khusus dalam bidang Senireka Teater di United Kingdom. Bertugas sebagai Penolong Pengarah Senireka di Istana Budaya sejak 1991, beliau berpengalaman luas dalam rekaan set, props, kostum dan solekan untuk produksi terbitan Istana Budaya.

Beliau telah terlibat dalam lebih 50 produksi teater dan antara sentuhannya termasuk Konsert Geeta Gangsa dan Malam Gala Festival Kesenian ASEAN (2003), Muzikal Ma Ho Huan (2006), Muzikal Arabia (2007), Bangsawan Laila Majnum (2007), Mana Setangnya (2009) dan banyak lagi.



**Koreografer  
ELIZA MUSTAFA & MD DESA RAHMAN**

ELIZA MUSTAFA ialah pemegang Diploma Seni Tari, Akademi Seni Kebangsaan (kini ASWARA) ini banyak terlibat dalam bidang lakonan dan tarian. Antaranya, Makyung Anak Raja Gondang, Makyung Rama dan Sita, Randai Anggun Nan Tungga, Pelayaran Nur Atma, Muzikal Adat Papatih, The Birds, Teater Kuala Lumpur Kuala Lumpur, Teater Kanak-Kanak ANA, Teater Lantai T. Pinkie, Teater Tanggung, Bangsawan Laksamana Bentan, Muzikal Uda dan Dara, dan terkini adalah Intan Yang Tercanai karya Dato' Noordin Hassan. Beliau kini sedang melanjutkan pelajarannya dalam Seni Persembahan (Drama) peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya.

MD DESA RAHMAN merupakan anak kelahiran Negeri Sembilan ini, pernah bekerja di Angkatan Seni Baru Yayasan Negeri Sembilan sebagai Koreografer selama 20 tahun. Beliau mempelajari Seni Tari di Padiepokan Bagong di Jogjakarta, Indonesia. Sepanjang kerjaya seninya, beliau sering kali mengikuti kursus-kursus seni anjuran Kementerian Kebudayaan dan Warisan Malaysia. Muzikal Gamat merupakan teater pertama penglibatan beliau dalam pementasan teater. Antara anugerah yang pernah diraih beliau termasuk Anugerah Kerajaan Negeri Sembilan, Anugerah Pengerak Tari dan Anugerah Koreografer Terbaik Festival Tari.



**Penolong Pengarah  
BADRUL IZWANNI  
BAHADOR**

MULA menceburi diri dalam bidang teater pada tahun 1997 melalui teater Sasau. Mengarah beberapa buah teater bersama sama Kumpulan Giat Budaya seperti Tanah Bernanah (1999), Antara (2000), Rumah Kecil Jalan Seladang (2001), Orang Kasar (2004) dan banyak lagi. Pernah merangkul Pengarah Terbaik Peringkat Wilayah pada tahun 2000 dan 2004 termasuk Pengarah terbaik Peringkat Kebangsaan pada tahun 2000. Banyak melibatkan diri di belakang tabir. Sebagai Pengurus Pentas Festival Teater Kebangsaan dari tahun 2002 sehingga 2006. Diberi kepercayaan sebagai Pengurus Pentas untuk Festival Teater Kanak Kanak Sedunia di Kuala Lumpur pada Tahun 2005 hingga 2006.




**Pereka Set**  
**MOHD TERMIZE MOKHTAR**

MULA berkhidmat di Istana Budaya pada tahun 2003 sebagai Pereka Grafik dan kemudiannya sebagai Pereka Props. Banyak terlibat dalam produksi seperti Muzikal Cheng Lock, Dramatari Pentas, Konsert Istana Cinta, P.Ramlee dan Saloma, Bersama Siti Nurhaliza, Muzikal Ibu Zain dan Impak Maksima The Musical.



**Pereka Props**  
**AHMAD MARZUKI ABU HASAN**

ANAK kelahiran Perak ini pernah berkhidmat di Muzium Negeri Kedah selama 20 tahun sebagai pereka. Mula berkhidmat di Istana Budaya pada tahun 2003. Marzuki banyak terlibat dalam bahagian grafik (merekacipta poster dan buku program). Antara produksi yang pernah melibatkan beliau, Konsert 100, Suzana @ 60, Konsert Bahtera Merdeka, Nyonya, Konsert Hari Ibu Bersama Black Dog Bone dan banyak lagi. Selain itu, beliau turut terlibat dalam rekaan props untuk persembahan teater seperti Anak Kerbau Mati Emak arahan Mior Hashim Manap. Marzuki, adalah salah seorang artis kumpulan Pelukis Istana Budaya.



**Pereka Grafik**  
**NURULKUSUMA BINTI ADNAN**

GRADUAN Ijazah Sarjana Muda Senilukis dan Senireka dengan Kepujian Senireka Grafik, UiTM ini mula berkhidmat di Istana Budaya pada 2006. Beliau banyak terlibat dengan merekabentuk karya grafik dan promosi produksi Istana Budaya. Antara karya ilham beliau, seperti Konsert Simfoni Rakyat, NSO-KL Fest, Musical Journey with OSK, Konsert Istana Cinta, Muzikal Putra, Program Wayang Kulilt & Dikir Barat, Muzikal Randai, Muzikal Kanak-kanak Sinbad, Konsert Idris Sardi dan banyak lagi. Selain itu, beliau turut terlibat dalam Pameran Program Merakytakan Seni Budaya dan pameran produksi Istana Budaya.



**Pereka Multimedia**  
**NAJIFFAIZAL MOHD TAWEL**

BELIAU pernah menghasilkan kesan khas animasi untuk Teater Kanak-Kanak Ali Baba, Teater Kanak-kanak Aladdin, Teater Kanak-kanak Sinbad dan yang terbaru kesan khas animasi 3D untuk Teater Di Mana Setangginya. Anak kelahiran Perak ini pernah mendapat latihan Maya 3D modeling dari Les Copaque (syarikat tempatan yang menghasilkan animasi Upin & Ipin.) dan Diploma Multimedia dari Universiti Teknologi Malaysia. Sekarang beliau masih bertugas sebagai pereka grafik di Istana Budaya.





**Pereka Kostum**  
**SARINA AZIZAN & TENGKU**  
**IEFIZULASYRIFIE PUTRA ALAUDIN**

**SARINA AZIZAN** merupakan graduan Senilukis dan Senireka Fesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini banyak berkarya dan membuat dokumentasi. Antaranya, sulaman terpanjang di Malaysia anjuran Jawatankuasa Perundingan Hal Ehwal Wanita Negeri Perak di KLCC. Antara produksi teater dan konsert yang pernah menggunakan ilham beliau seperti Muzikal Ibu Zain (Musim I & II), Ali Baba, Pentas, Teater Putra, Bangsawan MacBeth, Ibu Zain, Konsert Untukmu Ibu - Black Dog Bone, Konsert Gema Zafana, Puteri Sa'adong, Mana Setangginya dan banyak lagi. Turut diberi kepercayaan mereka pakaian bagi Orkestra Simfoni Kebangsaan dan banyak terlibat dalam program-program lain seperti Program Merakatkan Seni, Rumah Terbuka Krismas, Sepetang di Istana Budaya dan Sambutan Tahun Baru Cina.

**TENGKU IEFIZULASYRIFIE PUTRA ALAUDIN** ialah penuntut ASWARA ini mengambil jurusan Diploma Teater bermula tahun 2006 hingga 2009. Antara teater yang mendapat sentuhan beliau dalam senireka kostum ialah Gema Merdeka Tun Abdul Razak (2008 / 2009), Gamat (ASWARA, Jelebu, Perlis), Vertigo (2008), Lawyer Dahlan (2006) dan lain-lain lagi. Beliau juga berlakon dalam Gamat (ASWARA, Jelebu, Perlis), Siti di Alam Fantasi (2000), Laila Majnum (1999), Taman Baginda (1997, 1998), Mencari Juita (1998), Bawang Putih Bawang Merah (1997), Anugerah (1997) dan banyak lagi. Merah (1997), Anugerah (1997) dan banyak lagi.



**Pereka Tatarias**  
**ISTIADZIAH ISHAK**

**BERPENGALAMAN** dalam bidang tatarias selama 17 tahun, lulusan diploma Cosmoprof International Professional Artistry, Singapura ini merupakan penyelia solekan (Pereka / Penyelaras) di Istana Budaya. Pernah menyelaras / mereka solekan bagi teater-teater di Istana Budaya seperti Muzikal Lantai T.Pinkie, Muzikal Ibu Zain (Istana Budaya & MaTiC), Muzikal Puteri Gunung Ledang (Singapura & Istana Budaya), Muzikal P.Ramlee (Istana Budaya & Singapura), Muzikal Tun Razak, Tengku Anum, Tun Fatimah, Teater Muzikal Tunku, Teater Muzikal Suzana @60, Tun Perak, Tun Sambathan, Mac Beth, Swami Satyananda, Bangsawan Laila Majnum dan muzikal kanak-kanak seperti Ali Baba, Aladdin dan Sinbad. Antara konsert yang dikendali beliau ialah Konsert Satu Dato' Siti Nurhaliza, Konsert Jamal Abdillah, Konsert Mohram dan lain-lain lagi.



**Pengurus Produksi**  
**ZAWIAH MOHAMAD**

**BANYAK** melibatkan diri di belakang tabir dalam pengurusan produksi dan pentas. Antara produksi yang diuruskan beliau termasuk Muzikal Ibu Zain (2008/2009), Sirah Junjungan (2008/2009), Muzikal Ali Baba (2008), Jewel of Tibet (2008), Japanese Drum Concert, Muzikal Chang and Eng, Merdeka! Merdeka! Merdeka!, Cindai, Antara dan banyak lagi. Pernah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2004 daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Pada 2005, beliau mengikuti Administration Training Program for Cultural Profession in Asia di Korea Selatan selama enam bulan. Beliau kini sedang melanjutkan pelajarannya dalam bidang Pengurusan di Universiti Sains Malaysia melalui Program Pendidikan Jarak Jauh.



**Pereka Tatacahaya**  
**EE CHEE WEI**

**PENERIMA** Anugerah Bakat Muda (Penata Cahaya Teater) Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Negara ini mempunyai kelulusan diploma daripada Malaysia Institute of Art. Antara sentuhan beliau termasuk Muzikal Puteri Gunung Ledang, Majlis Pembukaan Festival Muzik KL 2007, Upacara Anugerah Hua Zhong 2007, Perfect Circle (2006 & 2007), Muzikal Siddhartha (2007 - Jakarta Season), Full of Jit (2007), The Coffin is Too Big For the Hole (2007), In between Things (2006), Miss Astro Chinese Pageant (2006), Perfect Circle (2006), Monkey Business (2005), Sounds of the Human World (2005, Istana Budaya), I have Dreamed (2004) dan Festival Tari Malaysia (2000 & 2002), Prince Siddharta (2008 & 2009).



## SINOPSIS

MUZIKAL Gamat membawa mesej untuk gaya hidup sihat, sayangkan alam sekitar dan pentingnya mendengar nasihat ibu bapa. Ia membawa kisah tentang kehidupan di dasar laut yang penuh dengan suka dan duka. Ada yang sakit akibat terkena sisa toksik yang dibuang oleh manusia. Banyak lagi penyakit lain yang melanda akibat kecuaiannya kita terhadap penjagaan kesihatan dan alam sekitar.

Pada suatu hari, Ketam Bunga, Ketam Batu dan Bintang keluar bermain di Taman Laut. Tiba-tiba mereka tersesat ketika leka dan seronok bermain. Mereka terjumpa dengan Mat (anak gamat) yang sedang ke Taman Plankton tanpa pengetahuan ibu bapanya, sedangkan, Ibu dan Bapanya menyuruh Mat duduk di rumah sahaja.

Di Karang Puaka, Kurita sakit terkena sisa toksik yang dibuang manusia ke laut. Kurita mengarahkan pengikutnya Obor-obor untuk menangkap Ibu Gamat bagi mengubati penyakitnya. Malangnya, Obor-obor tersalah tangkap Mat. Kurita sangat marah dan bertambah sakit.

Apabila Ibu Gamat sedar anaknya hilang, dia berjumpa dengan Buntal (Polis Laut). Mereka mengajaknya berjumpa dengan Mahatahu (Belut Laut) yang memberi petunjuk kepada Ibu Gamat untuk mencari anaknya.

Dalam perjalanan mereka, mereka berjumpa dengan pelbagai penghuni laut seperti kuda laut (jururawat), ikan barakuda yang berani dan umang-umang serta landak laut yang nakal.

Akhirnya, Mat Berjaya ditemui. Kurita dan Obor-obor telah ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan. Mereka dikenakan hukuman membersihkan Taman Laut dan berjanji tidak mengganggu penghuni laut yang lain.

### Tahukah anda?

GAMAT ialah sejenis haiwan yang hidup di laut yang berbentuk seperti timun. Jadi, ia juga dikenali sebagai mentimun laut di sesetengah tempat. Gamat turut dijadikan ubat dalam perubatan Tradisional dan sebagai hidangan makanan yang lazat dan sihat. Dalam Bahasa Inggeris, gamat dipanggil 'sea-cucumber'.



### Ibu Gamat: GA AMY MASTURA

AMY mula menyanyi secara profesional pada 1993 setelah memenangi Pertandingan Asia Bagus ke-3 di Jepun. Sejak itu, beliau telah menghasilkan 7 album solo dan yang terbaru, "Happy" menandakan ulangtahun ke-15 beliau dalam industri hiburan sebagai penyanyi dan pelakon. Antara filem lakonan beliau termasuk KL Universiti, Impian, Tragedi Oktober, Puteri Impian I & II, Trauma, Bintang Hati dan banyak lagi. Beliau memenangi Anugerah Pelakon Wanita Terbaik 1999 dalam filem Puteri Impian I & II. Antara drama/telemovie lakonan beliau termasuk Puteri, Kasut Tumit Tinggi, Tolgate Girl, My Husband, Comel dan beliau turut diundang untuk menjadi hos program kanak-kanak seperti Cooking with Kraft Singles With Kids dan juga rancangan wanita, Apa-Apa Aje. Muzikal Gamat merupakan teater kedua lakonan beliau selepas Siti di Alam Fantasi.

### Bapa Gamat: AM ZUHAIRI IBRAHIM

ZUHAIRI melibatkan diri dalam pelbagai bidang seni sebagai pemuzik dan pelakon pentas, televisyen, filem, penyanyi dan penari. Antara teater lakonan beliau ialah Muzikal Ibu Zain (2009), Teater Lantai T.Pinkie & Muzikal Lantai T.Pinkie arahan Rosminah Tahir, Mencari Juita & Dejavu arahan Siti Rohayah Attan, Muzikal KL Oh KL arahan Datuk Rahim Razali, Tun Mamat & Puteri Gunung Ledang arahan Aziz M. Osman, Patung Kertas arahan Lokman Ghani dan Bangsawan Puteri Saadong arahan Seniman Negara Rahman B. Kini beliau bertugas sebagai Penolong Pengurus di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC).





**Anak Gamat: MAT  
MUHAMMAD AIDIL SOLEHIN  
MARHALIM**

SI CILIK yang petah dan lincah ini berumur 9 tahun dan merupakan murid SK Seksyen 17, Shah Alam. Pernah berlakon dalam rancangan Pondok-pondok, Hartamania, Siapa Pintar, Story telling dan menyertai pertandingan bercerita peringkat negeri. Beliau yang berbakat dalam bidang lakonan, nyanyian dan tarian ini mempunyai hobi memancing pada masa lapang.



**Ibu Saudara Gamat: G  
NUR SYAHIDA MOHD MARZUKI**

PERNAH memegang watak sebagai Ibu Gamat dalam pementasan Teater Gamat di ASWARA, Syahida menyerlah dalam bidang lakonan. Antara teater yang pernah dibintanginya adalah Teater Kanak-Kanak Gamat, Teater Kanak-Kanak Merah dan Singa, Teater Moden Lawyer Dahlan, Teater Klasik Malbeth, Teater Tradisional Makyung 'Raja Kecil Dewa Laksana', Teater Eksperimen Vertigo dan Teater Bangsawan Raden Galoh.



**Kakak Gamat: GAMA  
ANITH AQILAH SULAIMAN LIM**

GADIS berusia 18 tahun ini mula mencipta nama menerusi rancangan realiti TV, One In A Million sehingga ke peringkat top 5. Selain itu, beliau juga merupakan pemenang pertandingan menyanyi yang lain. Anith turut terlibat dalam iklan dan berlakon drama. Beliau kini sedang menuntut ilmu Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam jurusan muzik.

**Pemuda Gamat: GAM  
ZUL Aidil ZAINAL ABIDIN**

BERUSIA 23 tahun dan berasal dari Johor. Beliau lebih banyak menonjolkan diri di kaca televisyen. Beliau pernah membintangi watak utama dalam drama Ekspresi Remaja, Astro - Mari Berhenti Merokok, Roda-roda Kuala Lumpur (Meniti Syawal), Kecuali Cintamu, Kisah Benar dan pernah terlibat sebagai korus dalam Teater Mahsuri.





**Buntal-Ketua**  
**DATIN NATASHA HUDSON**

MODEL-pelakon Australia-Melayu/Indonesia ini mula mendapat perhatian dalam dunia seni sejak berusia 7 tahun lagi. Beliau merupakan pemenang Pelakon Harapan Wanita melalui filem Chermin pada Festival Filem Malaysia 2007. Turut menerima pencalonan sebagai Pelakon Wanita Terbaik dalam Anugerah Skrin TV3 2007, 90/100 FHM Sexiest Woman in the World 2005 dan banyak lagi. Dalam bidang teater, Muzikal Ibu Zain menjadi teater pertama beliau. Bakatnya dalam bidang penulisan turut boleh dilihat melalui buku puisi Bahasa Inggeris beliau, My Heart, My Soul, My Passion dan buku cerita kanak-kanak, Puisi Indah Si Pari-Pari. Beliau banyak menjadi model popular pelbagai rangkaian jenama terkenal melalui iklan, catwalk, duta, klip video, pengacara TV dan sebagainya. Turut berlakon dalam drama Pei Pan, Rahsia Cemara, JBon Junior dan banyak lagi. Terbaru, beliau terlibat dalam filem Tipu Kanan Tipu Kiri yang menonjolkan bakatnya dalam nyanyian dan tarian.



**Kumpulan Ketam**

Hazwan Haili, Ahmad Najib Badaruddin, Noor Erwan Abdul Razak, Muhd Nazzim Rasdi, Mohd Zainul Ashraf Zainul Fuad, Iffah Syahirah Ariffen Kamarul Ariffen, Muhamad Noor Azlan Zakaria dan Ahmad Zaidyansjah Ruddyansjah.



**Kumpulan Buntal**

Datin Natasha Hudson, Muhammad Shafuan Farouk, Hasbullah Solehin Zamri, Syed Shariman Syed Isa, Mohd Adika Zainal, Azizah Aziz dan Mohd Imran Mohd Yusoff Sani.



**Kumpulan Penyu/ Sotong Katak/  
Udang/ Ikan Todak/ Udang Kara/ Belut**

Penyu (Ketua Hakim) : Muhamad Syukor Ibrahim, Ikan todak: Najua Nasir P.Ramlee, Udang: Shahanaros Shahrudin, Sotong Katak: Hizati Hidzir, Udang Kara: Muhammad Syamsul Idzham dan Mahatahu (Belut): Halim Mohammad Ishak.





### Kumpulan Umang-Umang

Ahmad Ashraff Fahmy, Anas Syafiq Othman, Danniell Muhammad Kelvin Razaleigh, Nick Amirul Harith Nick Hamasholdin, Muhammad Syahir Abdullah, Mohd. Iszham Ismail dan Ahmad Izzul Faiz Mohd Zuhairi.



### Kumpulan Obor-Obor

Eewen Teoh, Norfarizan Anuar, Nur Syahiera Masri, Jamaliah Azman, Shahila Shariff, Farah Idayu Mohd Fadzil, Suhailah Awang, Nurmizanun Saari, Nadziratul Fadzilla Kamsan dan Fatin Alia Zaifri



### Kumpulan Bintang/ Tapak Sulaiman

Aniza Jalal  
Mohd Yusof Hashim  
Natalia Sharihan Mohd Fauzi



20

### Kumpulan Kuda Laut

Elyna Ali, Grace Yeoh Ern Hui, Siti Nur Khatijah dan Farah Adila Apanidi



21



**Kumpulan Barakuda**

Nurzalyeni Adriana Razali, Batrisyia Syazwani Nazri, Siti Asmiera Zulaqha Hasmuri, Izzat Izzuan Mohd Rodi, Syamsul Izzat Haziq Rahizad, Ahmad Aqil Syazani Ahmad Salman, Mohammad Ikmal Daniel Mohd Faisal, Danish Akmal Shamsuddin, Mohd Haziq Aqeel, Muhammad Nabil D'Zulkefli, Amir Aiman Mohd Alias dan Norazlida Rosli.



**Kumpulan Sotong**

Norhasimah Leman (Ibu), Shavirta Edward, Pavithraah a/p Rajendran, Nurul Hana Muhd Hazizi dan Raja Nur Aizureen Raja Azahari.




**Kumpulan Landak Laut**

Balqis Omar (Emak), M. Daniel Aiman M. Azlan, Mohd Haris Muqris Harinto, Erinna Hefleen Azrin, Elhann Sairish Azrin, Muhammad Hazim Syazwi, Qayyum Isqandar Badrul Izwanni, Putera Habib Shah Hadz Abdullah, Mohd Nabil Eiman Mohd Fauzi dan Adalia Tham.


**Kumpulan Tiram**

Sarah Erwin dan Norhana Othman.



**Kumpulan Kurita**

Mazlan Mokhtar, Marup Mustapah, Mahmod Ibrahim, Razwan Raimin, Mohamad Nizam Mohd Yamin dan Barat Anak Enchan.





### Kumpulan Korus

Anas Ridzuan, Datu Hazriel Datu Atik, Farhanah Sjamsul Bahari, Kamaruzzaman Kaman, Maznie Mazalan, Mohd Arriff Fardillah Mohd Rosli, Mohd Syaiful Bahri Tohet, Muhammad Amirul Hafiz Rosly, Muhammad Ifwath Mohammad Yafith, Muhammad Shafik Ridzuan Jailani, Noor Atiqah Zulkepli, Nor Shahira Mohammad Shahari, Nurdianah Shamsuddin, Nurhamizah Sapar, Nurul Hazwanie Jamil, Rozalia Iszaura Azhar, Siti Nur Wahida Abdul Rahim dan Wan Nur Asyikin Wan Mohd Saifudin.



### Pemuzik

Abdul Rashid Iskandar b. Abdul Rani (bass), Mohd Syukri b. Idris (percussion), Purnama Maqasuci (dram) dan Mohd Fayesul Bahari (gitar).



### Pengurusan

Dari Kiri: Nursalimah Sabtu (UiTM), Z.Azurin (Publisiti), Zawiah Mohamad (Pengurus Produksi), Kassim Lee (Publisiti), Chloe H.B. Siao (Pengurus Pemasaran & Penajaan) dan Noor Ezdiani Makhetar (UiTM).



### Krew Pentas

Berdiri dari Kiri: Ramli Lani (Pengurus Pentas), Mohd Mohamad Nor (ASM), Sheikhalawadeen Ab Rahman (ASM), Wan Azman Wan Ahmad, Badrul Izwani Bahador, Hamdan Jamuri, Sujak Othman dan Mohamed Amin Sulaiman.

Duduk dari kiri: Barat Anak Enchan, Norfizayati Abd Manaf, Maheran Abd Hamid, Farizah Aziz dan Mohd Anur Zakaria.

Tiada dalam gambar:  
Mohd Yusri Zain, Jefri Hassa, Raja Halim R. Daud, Ab. Hadi Ab. Malek, Abu Samah Yahya, Afzainizam Abd Jalil, Mohd Anuar Kassim, Azrulnizam Aziz, Hakimi Md Zain, Kassim Mukri, Mazlan Hassim, Mohd Fazley Yunus, Venison Alfred Nuei, Mohd Zul'amri Mohd Amran, Mohd Zunohan Md Nor dan Shasharman Shaperi.

Krew Makeup



Sheikh Nasir Abdullah



Hanifa Hanafiah



Ahmad Azmawi Puteh



Rosliza Mohd Razali



Fatimah Zaharah Ahad

Krew Kostum



Mohd Faizal Mat Rani



Nor Haslini Salleh




Noraida Razaai

Multimedia




Mohd Najmie Mohd Yusoff



SIDANG MEDIA 18 JULAI 2009 & MAJLIS PELANCARAN 18 OGOS 2009





MEMPERSEMBAHKAN PENAJA & JAMUAN HARI RAYA 29 SEPT 2009



DI SEBALIK TABIR



LATIHAN



## PERSATUAN PENULIS WANITA MALAYSIA (PPWM)

### SENARAI TERAJU PPWM 2004-2009

PRESIDEN : Siti Rohayah Attan  
NAIB PRESIDEN : Rosminah Mohd. Tahir  
SETIAUSAHA : Sylvia Hol  
BENDAHARI : Zurina Jantan  
JAWATANKUASA : Juhara Ayob, Zaiton Abu Samah, Aminah Mokhtar, Norzanan Razaly, Norzaila Rosli, Shahriza Mahmud, Noraida Che Mustaffa dan Siti Jasmina Ibrahim

### Objektif Penubuhan PPWM

1. PPWM bertujuan mengeratkan hubungan sesama penulis wanita yang terlibat dalam bidang ini semakin ramai. Justeru, mereka perlu dikumpulkan di bawah satu bumbung bagi membangunkan bidang ini setanding dengan bidang-bidang lain. Di bawah PPWM, mereka dapat bersatu dalam menjalankan aktiviti secara berkumpulan dan terancang.
2. PPWM bukan sebuah persatuan yang terlalu bergantung atau berhubung gender hanya kerana terdapat perkataan 'wanita'. Ahli-ahli PPWM dipilih daripada golongan yang bersifat produktif, punya wawasan tersendiri dan bersikap terbuka. Namun, fokus terhadap sahsiah dan nilai wanita diberikan penekanan.
3. PPWM juga akan bertindak sebagai 'mata' dan 'telinga' kepada masyarakat bagi mengetengahkan unsur-unsur positif dan mengetepikan hal-hal negatif dalam segala bidang bagi melahirkan masyarakat madani. Ini boleh dilakukan melalui kritikan di media, penerbitan atau menyuarakan dalam seminar-seminar anjuran kerajaan atau NGO.
4. Ahli-ahli persatuan ini berusia dalam lingkungan usia 18 tahun hingga 50 tahun. Bidang kerjaya pula terbuka luas tetapi fokus diberikan kepada karya penulisan tanpa mengira genre. Selain itu, ahli-ahli PPWM adalah golongan profesional yang berkerjaya doktor, peguam, pensyarah, kurator, wartawan, pelakon, pegawai kesenian, perhubungan awam, ahli perniagaan dan ramai lagi.

### LATARBELAKANG

PERSATUAN Penulis Wanita Malaysia (PPWM) dicadangkan penubuhannya sejak Disember 1998. Bagaimanapun, setelah diadakan perbincangan demi perbincangan, maka satu keputusan telah dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Penaja pada 15 Februari 1999 bahawa persatuan ini perlulah didaftarkan secara sah. Ia adalah Badan Bukan Kerajaan

(NGO's) yang tidak berkepentingan kepada mana-mana pihak melainkan membawa kebaikan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara. Setelah penubuhannya, PPWM dinaungi oleh YABhg. Datin Paduka Seri Endon Mahmood (Allahyarhamah) iaitu Isteri Perdana Menteri. Beliau adalah seorang penaug yang mengambil berat terhadap aktiviti seni dan sastera yang boleh meningkatkan nilai dan kualiti kesenian dan kesusasteraan tanah air. Beliau juga prihatin terhadap kebajikan ahli-ahli khususnya dan penulis serta aktiviti seni negara ini.

### AKIVITI 2009

1. Majlis Memperkenalkan pelakon & penaja & Jamuan Raya (29 September 2009)
2. Pelancaran Teater Muzikal Gamat (18 Julai 2009)
2. Sidang Media Teater Muzikal Gamat (18 Jun 2009)
3. Pementasan Teater Muzikal Ibu Zain, MaTiC, KL (13-22 Mac 2009)
4. Sidang Media Pementasan Muzikal Ibu Zain (4 Februari 2009)

### AKTIVITI 2008

1. Pementasan Teater Muzikal Ibu Zain, Istana Budaya, KL (12-18 Ogos 2008)
2. Pelancaran Teater Muzikal Ibu Zain (9-13 Julai 2008)
3. Sidang Media Teater Muzikal Ibu Zain (8 Julai 2008)
4. Pementasan Teater Bukan Dejau, DBP, KL (9-13 Julai 2008)
5. Sidang Media Teater Bukan Dejau (12 Jun 2008)
6. Majlis Penyampaian Derma Kepada Seniwati Azean Irdawaty (20 Februari 2008)
7. Pementasan Teater Nyonya, Istana Budaya, KL (20-24 Februari 2008)
8. Sidang Media Teater Nyonya (28 Januari 2008)

### AKTIVITI 2007

1. Pementasan Teater Nyonya, Kedah (25-27 Mei 2007)

### AKTIVITI 2006

1. Pementasan Muzikal Lantai T.Pinkie, Perak (15-17 September 2006)
2. Sidang Media Muzikal Lantai T.Pinkie (6 Sept

32



2006)

3. Majlis Terima Kasih Produksi Muzikal Lantai T.Pinkie (21 Mei 2006)
4. Pementasan Teater Muzikal Lantai T.Pinkie, Istana Budaya, KL (28 Apr-7 Mei 2006)
5. Sidang Media Pelancaran Muzikal Lantai T.Pinkie (13 April 2006)
6. Sidang Media Memperkenalkan Produksi Muzikal Lantai T.Pinkie (17 Mac 2006)
7. Pelancaran Program Istana Budaya '06 (6 Januari 2006)

### AKTIVITI 2005

1. BICARA KOMSAS, Kelantan (15 Mei 2005)

### AKTIVITI 2004

1. Bengkel Penulisan Skrip (10-12 Disember 2004)
2. Teater Nyonya, Negeri Sembilan (10-12 Disember 2004)
3. Teater Nyonya, MTC, KL (7-11 Oktober 2004)
4. Sidang Media Teater Nyonya (Oktober 2004)
5. Teater Dejau, Istana Budaya KL (10-19 September 2004)
6. Sidang Media Teater Dejau (29 Julai 2004)
7. Bengkel Penulisan Pantai Timur (22-24 Julai 2004)
8. Pementasan Teater Dejau (24-29 Januari 2004)
9. Sidang Media/Pelancaran Teater Dejau (19 Januari 2004)

### AKTIVITI 2003

1. Teater Bulan Menangis, MTC (9-12 Oktober 2003)
2. Sidang Media/Pelancaran Teater Bulan Menangis (29 September 2003)
3. Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka Exxonmobil-Utusan 2003 (Jun-6 September 2003)
4. Malam Puisi Utusan Ke-10 (9 Mei 2003)

### AKTIVITI 2002

1. Pameran Membidik Pentas Yani Mae, DBKL (17-19 Julai 2002)
2. Teater Anugerah (2), DBKL (17-19 Julai 2002)
3. Makan Malam Anugerah (10 April 2002)
4. Teater Anugerah, DBKL (15 -21 Mac 2002)

5. Sidang Media/Pelancaran Teater Anugerah (1 Mac 2002)

### AKTIVITI 2001


1. Bengkel Teater Puteri, Melaka (27-28 Oktober 2001)
2. Pertemuan Penulis Asia Tenggara & Majlis Meraikan Penerima SEA Write Award 2001, KL (30 September 2001)
3. Malam Seni 'Gema Mandiri Rakan Muda', KL (29 September 2001)
4. Bengkel Rekreasi Rakan Seni Budaya, KL (Ogos - Oktober 2001)
5. Malam Seni 'Kata Kasih Mahkota Hati', DBKL (25 Mei 2001)

### AKTIVITI 2000

1. Teater Kilung Musung, KL (September 2000)
2. Teater Lantai T.Pinkie, DBKL (24-27 Ogos 2000)

### AKTIVITI 1999

1. Teater Dejau Seorang Perempuan, MaTiC (23-30 Oktober 1999)
2. Pelancaran dan Makan Malam PPWM, KL (23 Ogos 1999)
3. Teater Pelayaran Nur Atma, KL (23-30 Jun 1999)
4. Malam Puisi Gelanggang Rasa, MaTiC (1999)



33



## Sekalung Budi

Y.B. Datuk Seri Liow Tiong Lai  
Y.B. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin  
YBhg. Datuk Norliza Rofli  
YBhg. Datuk Omar Awang  
YBhg Juhari Shaarani  
Pn Habsah Nordin  
Cik Rosminah Tahir  
Pn. Noraini Razak  
Pn. Sharifah Nazira Bt Syed Basir Ahamd  
Dr. Yahya Baba  
En. Mansur Fenner  
En. Md Yusoff Mahmud  
Pn. Nik Anis Nik Zakaria  
Pn. Zakimarhaini Bt Mohd Said  
En. Azahary Kamarulzaman  
En. Nizam Ismail  
En. Mohd Firdaus Abdul Aziz  
Pn. Pauziah Mohamed  
Pn. Nastassia Mohd Farid  
Ms. Shirley How Sher Nee  
Pn. Khairulnisa Abdul Kadir  
En. Kassim Lee  
En Syed Yusof Wafa

Pejabat Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia  
Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia  
Jabatan Taman Laut Malaysia  
Istana Budaya  
Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara  
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Polis Diraja Malaysia  
Puteri UMNO  
UiTM  
Chana Sak Sdn Bhd  
Molec Image  
Premio Enterprise  
Kumpulan Utusan  
Utusan Malaysia  
Berita Harian  
Kosmo  
Harian Metro  
Kumpulan Karangkraf  
New Straits Times  
RTM  
ASTRO  
Media Prima  
MStar Online  
Murai.com  
Gua.com.my  
KLFM  
Suria FM  
Bloggers



shu uemura



Abd. Jalil  
esa Rahman

TIKALGAMAT hias